

Air naik semula, mangsa banjir terpaksa pindah lagi

um 22/1

ROMPIN 21 Jan. - Belum sempat mengemas rumah akibat dilanda banjir sebelum ini, mangsa banjir di Kampung Kurnia di sini, terpaksa dipindahkan semula ke pusat pemindahan sementara apabila kampung mereka dinaiki air, tengah malam tadi.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, sehingga pukul 4 petang ini, sebanyak 42 keluarga melibatkan 169 mangsa telah dipindahkan semula ke Dewan Teluk Jaya Gading setelah kampung mereka dinaiki air sedalam 1.5 meter.

Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Rompin, Mohd. Zaki Awang berkata, banjir kali ketiga ini bukan disebabkan hujan lebat yang berterusan, tetapi dipercayai datang dari Johor akibat limpahan air Empangan Semerong dan Empangan Bekok.

"Hujan yang turun dalam masa beberapa jam sahaja tidak akan mengakibatkan banjir tetapi saya percaya ia disebabkan limpahan air dari dua empangan itu.

"Saya difahamkan kedua-dua empangan itu terpaksa melepaskan air bagi mengelak empangan pecah akibat lebihan air," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, hari ini,

Utusan Malay-

sia pula difahamkan, air mula naik semula di kampung tersebut kira-kira pukul 12 tengah malam tadi dan ia dipercayai melimpah dari Sungai Anak Endau yang terletak berhampiran.

Sehingga petang ini, paras air di kampung tersebut masih meningkat dan tidak menunjukkan tanda-tanda akan surut, walaupun cuaca semakin cerah dan baik.

Ekoran itu, tiga buah lori tentera dari Briged 4, Kuantan yang membawa dua buah bot dan sepasukan bomba dari Balai Bomba Rompin turut diguna untuk mengangkut mangsa banjir ke pusat pemindahan.

Banjir itu juga menyebabkan sawah padi milik penduduk kampung ditenggelami air.


Seorang penduduk, Jeleha Hussin, 48, berkata, dia mengambil keputusan untuk berpindah ke pusat pemindahan walaupun rumahnya masih belum dinaiki air.

"Air masih di paras lutut, tapi lebih baik saya pindah awal kerana paras air terus naik," katanya.

Dia yang belum sempat berkemas rumah walaupun telah dibenarkan pulang dua hari lalu berkata, kawasan sawah padi miliknya seluas enam ekar turut ditenggelami air.

"Ini merupakan kali ketiga sawah saya tenggelam. Terserah pada nasib, sama ada ia boleh dimakan lagi atau tidak," ujarnya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana dijangka berlaku di seluruh negeri Pahang pada pagi dan petang esok.



SEBAHAGIAN daripada penduduk Kampung Kurnia yang terpaksa berpindah semula ke pusat pemindahan sementara di Dewan Teluk Jaya Gading, Rompin, Pahang, semalam.